

kelima dan keenam memerikan penemuan penyelidikan. Di dalam bab keempat dibuat dua analisis kuantitatif modal-modal utama di dalam kertas kerja-kertas kerja, yakni analisis secara menyeluruh dan analisis secara khusus di dalam setiap bahagian. Bab kelima membincangkan makna modal-modal utama. Bab keenam pula memberi tumpuan kepada perbincangan sistem pemagaran modal-modal utama. Bab ketujuh mengumpul dan menganalisis semua penemuan tesis ini serta membuat kesimpulan dan mengemukakan cadangan penyelidikan untuk masa depan.

Penemuan tesis ini menunjukkan terdapat perbezaan penting penggunaan modal-modal utama di antara kertas kerja yang bersifat teoritis dengan yang bersifat empiris. Di samping itu terdapat perbezaan penting penggunaan modal-modal utama berkenaan di antara pelbagai bahagian di dalam kedua-dua jenis kertas kerja. Perbezaan penggunaan modal-modal di antara kertas kerja di dalam penyelidikan ini dengan kertas kerja di dalam penyelidikan lepas juga ditemui. Sumbangan penting kajian ini terserlah apabila kajian ini berjaya menunjukkan bahawa perbezaan penggunaan modal-modal utama bukan sahaja berkaitan dengan bidang kajian tetapi juga berkaitan dengan jenis kertas kerja yang menggunakan modal-modal tersebut.

---

<b>3. Nama Penulis:</b>	Atiku Garba Yahaya
<b>Tajuk:</b>	Muslim Organisations In Non-Muslim Societies: The Case of Jamiyah In Singapore (1970-1980)
<b>Terjemahan:</b>	Organisasi Islam Dalam Masyarakat Bukan Islam: Kes Jamiyah Di Singapura (1970-1980)
<b>Institusi diserahkan:</b>	Universiti Sains Malaysia
<b>Tarikh diserahkan:</b>	Februari 1998
<b>Jenis Ijazah:</b>	Doktor Falsafah/Ph.D
<b>Jumlah Halaman:</b>	425

The Muslim Missionary Society Singapore (Jamiyah), is one of the oldest Muslim organisations in Singapore. It is a *da'wah* organisation whose membership is open to all Muslims. It conducts expansive *da'wah* activities in which it caters for the needs of the Muslims and spreads the teachings of Islam to non-Muslims with a view to making them embrace Islam.

This study which covers a decade in the history of the organisation, starts at a time when the leadership of the organisation was taken over by a group called the *Darah Muda* (Young Blood). The emergence of the *Darah Muda* was essentially over differences of approach/methodology of *da'wah* between it and the members of the old guard. The pre-*Darah Muda* leadership in Jamiyah was conducting a narrow aspect *da'wah* that concentrated on the spirituality of Islam which the *Darah Muda* considered unacceptable in view of the socio-economic dislocation of the Singapore Muslims on the one hand, and on the other, the good rapport between Jamiyah and the larger Muslim community, especially the oil rich Kingdom of Saudi Arabia. Consequently, the *Darah Muda* demanded a re-organisation of Jamiyah so that not only the spiritual needs of the Muslims will be considered, but also their temporal needs.

Therefore, the focus of this research is a resurgence within an Islamic *da'wah* organisation which gave new dimension to the organisation. As the *Darah Muda* stresses the importance of the comprehensiveness of Islam in addressing the needs of the Muslims, this research seeks to examine the activities that took place in Jamiyah following the ascension of the *Darah Muda* to the leadership of the organisation. Undoubtedly, the *da'wah* activities of Jamiyah as from the *Darah Muda* era, was more of attending to this worldly material requirement of the Singapore Muslim community.

*Persatuan Da'wah Islam Singapore (Jamiyah) merupakan salah satu organisasi Islam tertua di Singapura. Ia merupakan organisasi Da'wah yang keahliannya dibuka kepada semua orang Islam. Ia menganjurkan aktiviti Da'wah yang memenuhi keperluan orang-orang Islam dan menyebarkan ajaran Islam kepada yang bukan Islam dengan tujuan agar mereka memeluk Islam.*